

USIM bantu mangsa banjir

SEREMBAN 16 Nov. – Kesusahan yang ditanggung oleh mangsa banjir di Kedah dan Perlis mengundang keprihatinan pelbagai pihak yang menghulurkan bantuan wang ringgit, bekalan makanan mahupun tenaga.

Tidak ketinggalan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di Nilai dekat sini yang turut menghantar seramai 40 pelajar dan kakitangannya bagi membantu meringankan beban mangsa bencana banjir di Kedah baru-baru ini.

Semuanya dilakukan atas rasa prihatin dan tanggungjawab kepada masyarakat apabila pihak universiti tersebut menggerakkan Smart Team USIM selama dua hari ke negeri jelapang padi tersebut.

Program itu anjuran Majlis Kesukarelawan

Universiti-Universiti Malaysia (MASKUM) dan selain USIM, lima buah universiti lain turut terlibat seperti Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Pertahanan Malaysia (UPNM), Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Universiti Utara Malaysia (UUM) selaku urus setia.

Menurut Ketua Sukarelawan Smart Team USIM, Mohd. Hazrul Fareeza Harun, rombongan dari USIM bertolak pada 8 November sehingga 11 November ke UUM.

“Program kemasyarakatan ini bermula pada 9 November di mana Smart Team USIM dibahagikan kepada 23 kumpulan bergabung dengan sukarelawan dari UUM untuk membantu penduduk di Taman Tabung Haji, Kubang Pasu.

“Satu kumpulan lagi membantu membersihkan surau dan tadika di taman tersebut,” kata Mohd. Harul di sini hari ini.

Katanya, hampir 50 buah rumah di Taman Tabung Haji dibersihkan sepanjang dua hari itu selain bantuan tenaga, makanan, tempat tinggal dan juga nasihat turut diberikan kepada mangsa banjir.

Bagi salah seorang peserta, Daing Mohd. Fadzil, penyertaan kali ini sangat bermakna kerana selain dapat menerapkan nilai kemasyarakatan, pengalaman membantu mangsa banjir juga memberi keinsafan dan kesedaran diri.

“Melihat rumah dan perabot yang penuh dengan lumpur timbul keinsafan dalam diri betapa bertuah kerana tidak dilanda bencana banjir di tempat sendiri,” tambahnya.



SEBAHAGIAN daripada peserta Smart Team USIM membantu penduduk menyediakan makanan dalam misi bantuan bencana banjir di Kedah, baru-baru ini.